



Perubatan Tepat Kanser




Sebagai rakan **perlindungan dan kesihatan** yang boleh dipercayai, kami ingin anda **hidup dengan yakin** dengan perlindungan Perubatan Tepat Kanser.

Prudential Malaysia kini memperluaskan liputan perlindungan untuk turut meliputi Perubatan Tepat Kanser demi ketenangan minda pelanggan kami supaya mereka dapat memberikan tumpuan kepada rawatan dan pemulihan.

Perlindungan ini ditawarkan kepada semua pelanggan pelan perubatan Prudential Malaysia tanpa sebarang caj tambahan.


Apa itu Perubatan Tepat Kanser?

Melangkaui pendekatan rawatan umum



- Sejenis rawatan perubatan (melalui ujian genomik) bagi pemilihan rawatan berdasarkan komposisi genetik individu, gaya hidup, dan persekitaran.
- Menggunakan informasi menyeluruh anda yang unik untuk diagnosis tepat penyakit dan menentukan rawatan terbaik untuk anda.

Mengapakah perlindungan Perubatan Tepat Kanser penting untuk dimiliki?




Peningkatan jumlah pesakit kanser

Jumlah pesakit kanser dijangka mencapai **66,000** orang setahun menjelang 2030¹. Pastikan diri anda dilindungi oleh pelan perubatan kami dan bersedia untuk menghadapi cabaran hidup yang tidak diduga.

Tiada satu rawatan umum untuk kanser

Perlindungan ini membolehkan anda mengakses ujian genomik untuk mendapatkan **diagnosis kanser yang lebih tepat** berdasarkan profil genetik dan membolehkan pengamal perubatan menentukan rawatan bersasar yang sesuai. Ia memastikan **hasil rawatan yang lebih berkesan** dan kurang kesan sampingan.



Kos Perubatan Tepat Kanser yang tinggi

Kos bagi ujian genomik dan rawatan bersasar adalah tinggi iaitu di antara **seribu hingga puluhan ribu ringgit**. Pelan perlindungan kami kini turut meliputi ujian genomik dan rawatan bersasar supaya anda mendapat ketenangan minda dalam memberikan tumpuan kepada rawatan dan pemulihan.

Bagi pelanggan pelan perubatan Prudential Malaysia, tuntutan Perubatan Tepat Kanser adalah mudah:

Surat Pra-kebenaran di bawah Hospital Alliance Services (HAS) dengan kemudahan tanpa tunai adalah tersedia untuk ujian genomik dan rawatan bersasar berdasarkan terma dan syarat pelan perubatan anda.

Untuk maklumat lanjut berkenaan Perubatan Tepat Kanser dan pelan perubatan anda, sila hubungi Perancang Kewangan dan Ejen Takaful Prudential.



Tertakluk pada terma dan syarat.